

Malaysia, AS tetap terus rundingan FTA

Negara pertahan beberapa pendirian asas penting: Najib

Oleh Azman Zakaria
dan Zainab Mohd Yatim

RUNDINGAN Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) Malaysia dengan Amerika Syarikat (AS) tetap diteruskan, tetapi tidak terikat dengan sebarang tempoh bagi menyelesaikannya, kata Datuk Seri Najib Razak.

Timbalan Perdana Menteri menegaskan, namun dalam rundingan itu, Malaysia tetap akan mempertahankan beberapa pendirian asas yang dianggap penting bagi negara ini.


"Kabinet berbincang mengenai FTA hari ini dan membuat beberapa keputusan.

"Rundingan akan diteruskan (tetapi) kita tidak terikat kepada sebarang tarikh akhir, mahupun menyalah terhadap beberapa pendirian asas yang difikirkan amat penting kepada Malaysia," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan ucapan pada Forum Kewangan Islam Global (GIFF), di Kuala Lumpur, semalam.

Najib juga menjelaskan, ketika ini setiap kementerian yang terbabit dalam rundingan itu perlu menetapkan pendirian masing-masing dengan pihak yang berunding dari AS.

Sembilan kementerian, selain Peguam Negara Malaysia terbabit dalam rundingan FTA dengan AS itu.

Kementerian itu ialah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Kementerian Kewangan, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kementerian Sumber Manu-



TARIK MINAT: Najib melihat skrin Bursa Saham Malaysia sambil diperhatikan oleh Zeti selepas merasmikan Forum Kewangan Islam Global di Kuala Lumpur, semalam.

sia, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi, Kementerian Sains dan Teknologi dan Inovasi, serta Kementerian Kesihatan.

Isnin lalu, AS mengeluarkan kenyataan bahawa AS dan Malaysia akan membincangkan cara terbaik meneruskan rundingan FTA antara kedua-duanya selepas tamat tarikh akhir rasmi 31 Mac ini untuk memuktamadkannya.

Mesyuarat pusingan seterusnya akan berlangsung di Washington.

Rundingan antara Malaysia dan AS berhubung FTA itu bermula setahun lalu.

Walaupun kedua-dua pihak yakin mencapai persetujuan mengenainya seawal 2007, rundingan itu tergendala susulan pertukaran ketua perunding bagi pihak Malaysia, dan ketidaksediaan Malaysia membuka pasaran pemerolehan kerajaan kepada lebih banyak syarikat AS.

Sementara itu, Najib dalam ucapannya, berkata Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) benar Malaysia

dijangka berkembang enam peratus tahun ini dan kadar itu dijangka dapat dipertahankan dalam jangka sederhana.

Beliau berkata, pertumbuhan itu akan dipacu oleh permintaan domestik yang teguh dan diperkukuhkan oleh sektor luaran.

Sektor swasta, katanya akan terus menjadi pemacu utama pertumbuhan bagi tahun kelima berturut-turut, manakala sektor awam akan memainkan peranan sebagai penyokong.

ABD RAHIM RAHMAT / BERITA HARIAN